



NOTIS MAKLUMAN

WAKTU OPERASI TERKINI LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) 3.0

YB Menteri Kanan Pertahanan pada 22 Mei 2021 telah mengumumkan pelaksanaan PKP 3.0 berkuat kuasa 25 Mei 2021 dengan beberapa sekatan yang lebih ketat berdasarkan kepada situasi semasa pandemik COVID-19 di Malaysia. Sehubungan itu, **bermula Isnin, 24 Mei 2021, Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA) akan beroperasi mengikut kepada waktu operasi seperti berikut:**

	Waktu Operasi
Perkhidmatan di Kaunter Pusat	Isnin hingga Jumaat 8.30 Pagi – 3.00 Petang (Buka) Sabtu & Ahad : (Tutup) Cuti Umum : (Tutup)
Pusat Panggilan Utama (03-8880 1600)	Isnin hingga Khamis 8.30 Pagi – 5.30 Petang (Buka) Jumaat 8.30 Pagi – 12.30 Tengahari (Buka) 12.30 Tengahari – 2.30 Petang (Rehat/Tutup) 2.30 Petang – 5.30 Petang (Buka) Sabtu & Ahad : (Tutup) Cuti Umum : (Tutup)

Walau bagaimanapun, sepanjang tempoh ini **LPPSA akan beroperasi pada kadar minima iaitu dengan kapasiti yang terhad dan maksimum seramai 20% kakitangan sehingga ke suatu tarikh yang akan dimaklumkan kelak** selaras dengan arahan YBhg. Tan Sri Ketua Setiausaha Negara (KSN) bertarikh 22 Mei 2021.

Oleh itu, **para pelanggan dinasihatkan agar menggunakan medium komunikasi rasmi LPPSA** yang telah disediakan bagi mengelakkan kesesakan di Kaunter Pusat dan Talian Khidmat Pelanggan:

- Portal Pertanyaan/ Aduan Rasmi LPPSA eTiket di <https://etiket.lppsa.gov.my/>;
- Membuat semakan sendiri melalui LPPSA MY FINANCING (Mobile App) Panduan Pengguna boleh dirujuk di Laman Sesawang Rasmi LPPSA <http://www.lppsa.gov.my/en/media/aplikasi-mudah-alih/>; atau
- Semakan melalui Portal Permohonan Pembiayaan LPPSA di <https://lms.lppsa.gov.my/JACCESS/portal/>.

Kunjungan para pelanggan ke kaunter pusat hanya disarankan untuk urusan hal-hal penting yang memerlukan perhatian segera dan di mana maklumat tidak dapat ditemui di laman web atau melalui medium komunikasi yang telah disebutkan di atas.

LPPSA akan mengambil inisiatif untuk melakukan penjarakan sosial di dalam segala aspek operasi di premis kami. Oleh yang demikian, jumlah pelanggan bagi setiap masa yang dibenarkan berurusan di dalam kaunter pusat akan dihadkan mengikut garis panduan yang telah ditetapkan oleh pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Para pelanggan dinasihatkan untuk memastikan tahap kesihatan tuan/puan di dalam keadaan baik sebelum hadir ke kaunter pusat LPPSA dan tuan/puan hendaklah sentiasa memakai penutup hidung dan mulut sepanjang berurusan di kaunter pusat LPPSA.

Kerjasama dan kesabaran anda berurusan dengan LPPSA sepanjang tempoh PKP 3.0 ini amat dihargai. Maklumat terkini mengenai LPPSA boleh dilayari di laman sesawang rasmi LPPSA, www.lppsa.gov.my dan Facebook Page LPPSA, [@OfficialPageLPPSA](https://www.facebook.com/OfficialPageLPPSA).

23 MEI 2021